

24/01/2004

Melayu Malaysia pemimpin Nusantara

MASYARAKAT Melayu Malaysia dianggap sebagai pemimpin masyarakat Melayu Nusantara khususnya dan dunia amnya hasil daripada kejayaan mereka dalam bidang politik, ekonomi dan sosial negara ini.

Setiausaha I, Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena), Prof Madya Zainal Abidin Borhan, berkata masyarakat Melayu luar negara berharap kesatuan Melayu dalam bidang bahasa, sastera, kebudayaan dan kesenian dapat direalisasikan.

"Mereka mengharapkan bantuan daripada kita dalam hal ini kerana melihat masyarakat Melayu Malaysia sebagai pemimpin masyarakat Melayu Nusantara dan dunia hasil daripada kejayaan kita bersaing sama dalam masyarakat pelbagai kaum," katanya ketika ditemui pada program Pertemuan Kebudayaan Sempadan V.

Pertemuan Kebudayaan Sempadan V anjuran Gapena berlangsung di Wilayah Saturn, Selatan Thailand, baru-baru ini, disertai 150 kerabat Gapena di kalangan budayawan, sasterawan dan ilmuwan.

Prof Madya Zainal Abidin berkata, masyarakat Melayu Malaysia pastinya tidak akan mampu mengangkat taraf Melayu di mata masyarakat Melayu asing jika mereka gagal mencapai kejayaan dalam bidang politik, ekonomi dan sosial di negara sendiri

"Kita kena puji bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang meletakkan Malaysia dalam situasi politik, ekonomi dan sosial yang kukuh sehingga Malaysia menjadi model di mata negara lain," katanya.

Beliau berkata, dalam melaksanakan program memperkukuh silaturahim masyarakat Melayu Malaysia dengan Melayu di kawasan jauh seperti Afrika Selatan, Madagascar dan Yunan, Gapena tidak melupakan masyarakat Melayu Thailand dan Indonesia.

"Sejak 10 tahun kebelakangan ini, Gapena merayau ke seluruh dunia termasuk Madagascar, Afrika Selatan dan Yunan untuk menyatukan kelompok Melayu. Sekarang kami bertumpu kepada kelompok Melayu kecil yang bersempadan dengan Malaysia," katanya.

Sastera dan Budaya diberitahu, Gapena berharap semua badan kerabatnya mengadakan hubungan dengan kelompok Melayu di sempadan seperti Kedah dengan Aceh, Pulau Pinang dengan Selatan Thailand dan Perlis dengan Saturn.

Bagaimanapun, Gapena sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), tetap memerlukan usaha sama pelbagai agensi kerajaan, terutama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk sama-sama membantu pelbagai program yang dirangkanya.

Beliau berkata, secara keseluruhan Pertemuan Kebudayaan Sempadan V di Saturn adalah satu daripada pelbagai program mengeratkan silaturahim masyarakat Melayu Malaysia dengan Melayu di wilayah lain.

"Ia bertujuan memastikan Melayu akan terus wujud di dunia ini sesuai dengan kata-kata Laksamana Hang Tuah, Takkan Melayu Hilang Di Dunia. Tanpa usaha itu, tradisi masyarakat Melayu yang diwarisi sejak berzaman akan luput ditelan zaman," katanya.